

# MRT Corp. tandatangani PoA dengan pemilik lot tanah

KUALA LUMPUR 1 Mac - MRT Corporation (MRT Corp.) hari ini menandatangani Perchara Perjanjian (PoA) dengan Bungsar Hill Holdings Sdn. Bhd. iaitu pemilik lot beberapa bidang tanah bagi projek pembinaan Rapid Transit (MRT).

PoA itu juga merangkumi kawasan tempat letak kereta di hadapan Universiti HELP di Pusat Bandar Damansara untuk pembinaan stesen tiket dan kemudahan lain.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid (**gambar**) berkata,



perjanjian itu telah menunjukkan kesungguhan MRT Corp. dalam mencari jalan penyelesaian yang saling menguntungkan kedua-dua pihak mengenai isu tanah yang terjejas akibat pembinaan projek berkenaan.

“Kami berjaya mencapai kesefahaman selepas mengadakan rundingan dengan Bungsar Hill Holdings dan majlis menandatangani PoA juga berjalan dengan lancar.

“PoA itu menandakan satu formula baru bagi pemilik infrastruktur awam dan pemilik tanah dalam

mencapai penyelesaian secara menang-menang,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Antara isu yang turut terkandung dalam PoA itu adalah mengurangkan penggunaan tanah dan menarik balik notis pengambilalihan menerusi akta di kawasan tempat letak kereta di hadapan Universiti HELP dan sebahagian kawasan letak bas di hadapan Akademi HELP, Jalan Dungun.

Tambah Azhar, pemilik tanah akan membangunkan tempat letak kereta berkenaan dan menyerahkan semula ruang itu kepada MRT Corp. untuk pembinaan stesen Pusat Bandar Damansara seperti skim landasan keretapi Sungai Buloh-Kajang.

“Pembinaan itu termasuk 500 tempat letak kereta, tempat menaiki bas dan teksi, tempat letak kereta orang kurang upaya (OKU) dan kawasan naik turun penumpang. Pada masa sama, pemilik tanah juga membenarkan MRT Corp. untuk membangunkan kemudahan di kawasan letak bas di Jalan Dungun sebagai stesen Semantan.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bungsar Hill Holdings dalam menyelesaikan perkara ini secara baik kerana mengambil kira kepentingan awam dan faedah projek MRT itu yang bakal menjadi rangkaian pengangkutan awam yang cekap di ibu kota,” katanya.